



SIARAN MEDIA

PERMOHONAN PAS MEDIA SEMPENA SAMBUTAN HARI MALAYSIA 2026

PUTRAJAYA, 18 Ogos 2026 - Jawatankuasa Media dan Publisiti (JKMP) sempena sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia (HKHM) 2026 membuka permohonan pas media sempena Sambutan Hari Malaysia 2026 yang akan berlangsung di Borneo Convention Centre Kuching (BCKK), Sarawak pada 16 September 2026.

Permohonan pas media terbuka kepada tiga (3) orang pengamal media bagi setiap agensi. Sehubungan dengan itu, pengamal media yang akan membuat liputan bagi acara tersebut boleh mengemukakan permohonan melalui pautan <https://forms.gle/A6Sgv5mbxN1F2s4t9> selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari, Khamis, 27 Ogos 2026. Semua permohonan akan melalui proses tapisan keselamatan sebelum kelulusan diberikan.

Bagi permohonan yang telah diluluskan, kad media boleh diambil pada 14 dan 15 September 2026, bermula pukul 12.00 tengah hari hingga 5.00 petang di Pusat Media Hari Malaysia 2026, Borneo Convention Centre Kuching (BCKK), Kuching, Sarawak.

Semua pengamal media WAJIB memakai pas media yang dikeluarkan oleh JKMP sepanjang tempoh membuat liputan bagi sambutan ini.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Puan Siti Nur Laila Ab Hadi di talian 03-8911 7371 atau Puan Nurul Azalia Sobri di talian 03-8911 7801.

Dikeluarkan oleh:

Jawatankuasa Media dan Publisiti

Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2026